

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

**JPN KEDAH AKAN LAKSANAKAN SEGERA
KERJA BAIK PULIH SK BALING**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah ingin memaklumkan bahawa satu kejadian kebakaran telah berlaku di SK Baling pada Jumaat, 21 November 2025 yang menjejaskan pejabat pentadbiran, bilik darjah dan tandas. Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian ini.

Tindakan segera telah diambil untuk menyiasat punca kejadian dan melakukan penilaian kerosakan terhadap infrastruktur sekolah yang terjejas. Kerja baik pulih akan dilaksanakan segera. Sebagai langkah jangka pendek, SK Baling akan melaksanakan Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR).

JPN Kedah memberi jaminan bahawa keselamatan murid dan warga sekolah akan terus menjadi keutamaan dan kerja baik pulih akan dilaksanakan segera.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
22 NOVEMBER 2025**